

05/08/2001

Tugas besar Puteri Umno tarik generasi muda

AMBIL sempena pelancaran rasmi Puteri Umno pada Jumaat lalu, Kiau nak cakap sikit tentang Umno dan generasi muda serta pemulihan sikap orang Melayu.

Kiau ucap tahniah kepada Azalina Othman Said dan rakan-rakan dia dalam jawatankuasa penaja Puteri Umno.

Dah banyak tahun, melalui tulisan-tulisan Kiau, Kiau cakap tentang pentingnya penyertaan wanita dan remaja dalam politik negara, khasnya Umno.

Dari awal lagi Umno bagi perhatian yang sangat berat kepada penyertaan orang muda. Apabila Pemuda Umno ditubuh pada 26 Ogos 1949, Presiden Umno waktu itu, Datuk Onn Jaafar kata pergerakan itu bertujuan bagi peluang kepada pemuda dan pemudi Melayu main peranan cergas dan bertanggungjawab dalam isu-isu tempatan dan pemerintahan negara.

Harapan itu terus menjadi landasan penyertaan pemuda dan pemudi dalam Umno walaupun kadangkala nampak tanda-tanda atau kecenderungan mengetepikan pandangan dan peranan generasi muda.

Kiau harap sangatlah dengan penubuhan Puteri Umno ini, penyertaan dan peranan generasi muda dalam Umno akan bersemarak semula.

Sejak 1996 lagi Kiau sudah bagi amaran tentang bahayanya Umno mengetepikan atau meminggirkan generasi muda. Kalau Kiau kata ramalan Kiau itu betul, tentulah ada orang kata Kiau main serkap jarang.

Kiau harap Puteri Umno akan berusaha kuat gembleng sokongan pemudi Melayu, tidak kira yang terpelajar atau yang bekerja di kilang, untuk masuk Umno dan jadi golongan yang bawa pembaharuan kepada parti itu.

Suka tidak suka, parti-parti politik, khasnya Umno terpaksa mengaku yang peranan generasi muda sebagai ahli parti dan pengundi tambah penting.

Menjelang pilihan raya akan datang, dianggarkan dua juta pengundi baru yang terdiri daripada muda mudi di bawah umur 30 tahun akan mendaftar. Sejak krisis ekonomi dan politik 1998, semakin banyak orang muda yang berminat dalam politik.

Umno tidak boleh terus bagi alasan bahawa generasi muda tentang Umno, Barisan Nasional dan kerajaan kerana mereka dipesongkan oleh pembangkang. Alasan macam ini tidak bermakna dalam politik demokrasi dipengaruhi-mempengaruhi adalah amalan biasa.

Pemimpin Umno dan BN kena ingat. Masa majoriti golongan muda sokong Umno dan BN, pembangkang buat tuduhan yang sama. Mereka kata golongan muda tak sokong mereka pasal dipesongkan oleh Umno, BN dan kerajaan.

Politik bukan perkara mudah. Jadi Kiau harap Azalina dan rakan-rakan dia pandai-pandailah bawa diri. Kalau cerdik, janganlah cepat sangat tunjuk. Kadang-kadang dalam politik, buat bodoh lagi baik.

Mereka kena ingat banyak lagi orang dalam Umno yang berasa terancam apabila golongan muda tunjuk kepandaian dan keberanian. Maafilah kalau Kiau kata masyarakat Melayu masih feudal dalam banyak hal. Jadi pandai-pandailah bawa diri. Banyak lagi lelaki yang berasa terancam oleh wanita.

Macam mana pun cubalah sedaya upaya untuk ubah sikap orang Melayu. Mereka mungkin sudah keluar dari bawah tempurung. Mereka mungkin sudah jadi cendekiawan, usahawan dan budayawan yang setaraf dengan cendekiawan, usahawan dan budayawan di negara-negara paling maju di dunia.

Tapi, dalam hal-hal tertentu sikap orang Melayu masih negatif. Cemburu, dendam, iri hati dan hasad dengki masih meluas. Macam ketam dalam bakul, orang Melayu sangat suka saling jatuh-menjatuhkan.

Apabila seorang Melayu berusaha keras untuk maju dan keluar daripada perangkap kemiskinan, ada saja orang Melayu lain yang cuba menariknya turun seperti ketam yang menarik kawannya yang sudah hampir keluar dari bakul.

Orang Melayu janganlah seronok sangat melihat orang Melayu jatuh, tidak kira sama ada yang jatuh itu orang politik atau korporat.

Orang Cina dan India pun gagal juga dalam perniagaan. Mereka pun hutang berbilion juga. Tapi mereka tak buka pekung di dada dan basuh seluar dalam di khalayak umum.

Ingatlah setiap seorang Melayu yang jatuh, ratusan malah ribuan orang Melayu yang lain akan turut terbabit. Kalau ahli politik, pegawai tadbir atau usahawan Melayu gagal, bukan saja politik, pentadbiran dan ekonomi orang Melayu terjejas, malah maruah orang Melayu pun terjejas sama.

Satu perkara lagi dengan adanya Puteri Umno, kita bolehlah buat perbandingan yang lebih tepat tentang Pemuda Umno. Kiau yakin Pemuda Umno tidak akan dengki dan iri hati dengan Puteri Umno, sebaliknya akan berlumba secara positif untuk perkuat dan perbesar Umno dan ubah sikap orang Melayu supaya lebih progresif dan positif.

Kiau hanya terkilan sedikit saja sebab dalam kad jemputan pelancaran Puteri Umno oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perkataan prihatin disalah eja menjadi "perihatin". Kiau haraplah Puteri Umno bagi perhatian yang rapi kepada bahasa kebangsaan kita kerana bahasa jiwa bangsa.

Selamat berjuang.

(END)